

25/06/2001

2004 sasaran ubah tanggapan negatif Melayu

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Wanita Umno mensasarkan 2004 untuk mencapai matlamatnya mengubah tanggapan negatif masyarakat Melayu, di samping memberi kesedaran mengenai peranan parti sebagai penggerak bangsa.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Umno tidak boleh menentukan strateginya sendiri tanpa kesedaran daripada ahlinya untuk mencapai wawasan yang ditetapkan.

"Parti yang relevan mesti datang daripada kesedaran masyarakat untuk mencapai matlamat memperjuangkan bangsa Melayu. Umno hanyalah sebagai penggerak, kalau masyarakat masih tidak sedar, kita tidak dapat berbuat apa-apa.

"Kesedaran ini juga perlu dipupuk terutama di kalangan generasi muda, kerana yang tua masanya sudah terhad. Wanita Umno mensasarkan 2004 nanti kita akan buat apa yang sewajarnya patut dilakukan," katanya selepas merasmikan Hari Keluarga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) 2001 di Taman Tasik Perdana, di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengulas langkah yang akan dilakukan Wanita Umno berdasarkan ucapan penggulungan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada akhir Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Mengulas sistem kuota yang masih tidak dapat dipisah daripada masyarakat Melayu, Rafidah berkata, pandangan mereka perlu diubah kepada perjuangan untuk mencapai matlamat untuk menjadi hanya yang terbaik dalam segala bidang.

"Sejak dulu hingga sekarang, Melayu hanya memberi penekanan kepada sistem kuota semata-mata, kita hendak 30 peratus untuk ini atau 50 peratus dan berapa banyak Melayu harus disalurkan dalam pelbagai aktiviti. Saya anggap itu adalah fasa pertama.

"Fasa kedua perjuangan kuota bermula dari sekarang, harus didefinisi sebagai usaha untuk mencapai matlamat, misalnya kalau kita minta 30 peratus, 30 peratus mestilah yang terbaik dalam sesuatu aktiviti yang dilakukan," katanya.

Beliau berkata, untuk menjadi yang terbaik, cara bekerja masyarakat perlu diubah dengan bersedia menghadapi cabaran globalisasi dan mementingkan kualiti.

Mengenai saranan Dr Mahathir bahawa pelajar Melayu perlu balik kepada keadaan asal untuk mengatasi keciciran, beliau berkata, ibu bapa perlu memikirkan cara terbaik untuk mendidik anak-anak terutama lelaki.

"Daripada jumlah pelajar lelaki yang berjaya masuk ke tingkatan empat, lebih 30 peratus daripadanya tercicir, berbanding hanya 19 peratus pelajar perempuan.

"Apa yang menyebabkan keciciran pelajar lelaki lebih tinggi daripada wanita? Ibu bapa kena tengok bagaimana cara mereka mendidik anak. Anak lelaki tidak sepatutnya dimanjakan atau dibeza-bezakan lebih daripada anak perempuan untuk menjadikan mereka seorang yang berjaya," katanya.

Beliau berkata, jika sesuatu tidak dilakukan, maka generasi akan datang tidak layak untuk mentadbir negara dan Wawasan 2020 yang dilaung-laungkan tidak mencapai matlamatnya.

(END)